

BAB 3

BAB TIGA

MODUS OPERANDI DAN APLIKASI AUDIT SYARIAH

3.1 PENGENALAN

بَلِ الْإِنْسَانُ عَلَىٰ نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ (١٤)

al-Qiyāmah 75: 14

Terjemahan: Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri.

Aktiviti audit syariah mestilah dijalankan dengan cara yang terancang, sistematik, bebas dan didokumentasi dengan lengkap. Ini akan menghasilkan bukti audit yang diperolehi dan dinilai secara objektif untuk menentukan kriteria audit syariah direalisasikan dan konkrit.

Sehubungan itu, dalam bab ini akan mengupas mengenai konsep audit syariah secara langsung. Tumpuan diberikan terhadap modus operandi dan aplikasi audit syariah di Malaysia. Ini adalah kerana penyelidik ingin melihat hubungan dan kaitan antara pengamalan audit syariah dengan institusi yang bertanggungjawab dengan mengurus dan mentadbir serta membangunkan pengauditan syariah tersebut.

3.2 STRUKTUR PEMBANGUNAN AUDIT SYARIAH


Sistem pengauditan syariah sebagai satu siri tugas di dalam sesebuah entiti kewangan Islam yang digunakan untuk menyemak balik pemprosesan urusanniaga-urusanniaga perniagaan dan merekodkan ke dalam laporan secara sistematik dan teratur. Sistem itu juga mestilah mampu untuk mengenalpasti urusanniaga yang berlaku, meringkas, mengelaskan, menganalisis dan melaporkannya. Oleh kerana maklumat perniagaan yang dihasilkan oleh sistem perlu diaudit, adalah penting bagi organisasi kewangan Islam untuk membentuk sistem operandi yang selari dengan objektif audit syariah. Sistem pentadbiran yang baik seharusnya memiliki ciri-ciri berikut:¹

- i. Mampu merekod semua urusanniaga yang sah dan patuh syariah.
- ii. Boleh mengenalpasti dengan tepat tarikh urusanniaga atau transaksi yang berlaku.
- iii. Mampu mengukur nilai urusanniaga yang berlaku dari sudut syarak.
- iv. Boleh mengklasifikasikan urusanniaga mengikut kumpulan urusanniaga tertentu.
- v. Mampu untuk mempersembahkan urusanniaga yang berlaku dengan pendedahan yang secukupnya.

Struktur urus tadbir syariah dalam perbankan Islam yang telah dikemukakan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dapat digambarkan sepertimana dalam Rajah 3.1 berikut:

¹ Ahcene Lahsasna, *Q&A in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2010), 252. Sila rujuk juga Masitah Bujang, "Pengauditan" (PTPL, Shah Alam, 2011), 51.

Rajah 3.1: Model Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah untuk Institusi Kewangan Islam



Sumber: Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah untuk Institusi Kewangan Islam, BNM, 26 Oktober 2010.

Kebiasaannya, pada peringkat permulaan, perlu diadakan satu sesi khas seperti ‘Kesedaran Audit Syariah dan Sistem Pematuhan Syariah’ kepada semua warga organisasi bagi mengelakkan isu yang mungkin akan terjadi iaitu auditee tidak mahu atau tidak memberikan kerjasama sepenuhnya semasa proses audit syariah dijalankan. Hal ini disebabkan kurangnya pendedahan tentang pelaksanaan audit syariah yang menatijahkan berlakunya salah faham di antara auditor syariah dengan auditee.

Kewajipan juruaudit adalah untuk memastikan bahawa latihan audit syariah dijalankan mengikut kod etika. Kod ini disebut dalam standard pengauditan No. 1 AAOIFI, yang menjelaskan bahawa juruaudit perlu mematuhi Kod Etika Akauntan

Profesional yang diterbitkan oleh AAOIFI dan Persekutuan Akauntan Antarabangsa. Prinsip-prinsip etika yang mengawal juruaudit adalah; soleh, amanah, keadilan, integriti, kejujuran, objektiviti, kerahsiaan, kebebasan, kecekapan profesional dan tingkah laku, teliti dan piawaian teknikal. Menurut AAOIFI, semua prinsip-prinsip yang disenaraikan telah didapati tidak melanggar peraturan dan prinsip-prinsip Islam.²

Pihak pengurusan dan Jawatankuasa Syariah seharusnya turun meninjau pembangunan dan kemajuan pelaksanaan ‘Sistem Pematuhan Syariah’ serta mengenalpasti kemungkinan masalah yang boleh mengugat pelaksanaan audit syariah yang dikehendaki mengikut spesifikasi. Secara keseluruhan, sesuai dengan konsep *Plan-Do-Check-Act* (PDCA)³ aktiviti audit syariah terbahagi kepada empat fasa sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 3.2 berikut:

Rajah 3.2: Aktiviti Audit Syariah



Sumber: Syed Alwi Mohamed Sultan, *A Mini Guide to Shari’ah Audit for Islamic*


Financial Institutions – A Primer, Kuala Lumpur, 2007.

² Muhamad Azhari Wahid, “Shariah Audit in Islamic Finance (Bhg. 1),” *Al-Muamalat*, Siri 5 2012, 8.

³ Razimah Abdullah, *Audit Dalam yang Berkesan: Rujukan Lengkap Audit Proses* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2006), 151.

Gambaran hubungan aktiviti dalam fasa audit di atas dapat diperjelaskan lagi melalui penstrukturan aktiviti audit oleh ISO 19011:2002⁴ sebagaimana Rajah 3.3 berikut:

Rajah 3.3: Gambaran Keseluruhan Aktiviti Audit Syariah



Sumber: ISO 19011: 2002, *Guidelines for Quality and/or Environmental Management Systems Auditing*, Geneva, 2002.

3.3 MODUS OPERANDI AUDIT SYARIAH

Modus operandi audit syariah mempunyai beberapa peringkat atau fasa pelaksanaan. Tahap pelaksanaan prosedur audit syariah bergantung kepada ruang

⁴ ISO 19011: 2002, *Guidelines for Quality and/or Environmental Management Systems Auditing* ; Sila rujuk juga ISO 19011: 2011, *Guidelines for Auditing Management Systems* (Geneva: International Standard, 2011), 6.

lingkup dan penelitian yang ditentukan oleh pihak pengurusan berdasarkan kepada kegunaan rumusan audit syariah. Oleh itu, biasanya modus operandi audit syariah perlu ada sekurang-kurangnya perkara berikut, iaitu:

3.3.1 Perancangan Audit Syariah

Ini merupakan peringkat permulaan iaitu juruaudit membangunkan strategi keseluruhan untuk menjalankan audit syariah. Strategi ini akan menetapkan skop, masa dan arah audit syariah. Pelan adalah penting untuk memastikan bahawa sumber yang diperlukan untuk menjalankan audit syariah digunakan dengan cekap dan berkesan.⁵ Kebiasaannya proses perancangan melibatkan tiga peringkat sepertimana berikut:

3.3.1.1 Memulakan Kerja Audit Syariah

Pada peringkat permulaan, Ketua Audit Syariah (KAS) akan melantik pasukan audit dan menentukannya bagi setiap audit yang akan diprogramkan. Tindakan ini dibuat lebih awal dari tarikh tempoh berakhirnya perakaunan tahunan. Ini akan dapat memberikan masa yang secukupnya kepada Juruaudit Syariah (JAS) untuk menimbang dan mengkaji beberapa aspek berkaitan dengan prinsip pertama pengauditan iaitu keutuhan, objektif dan kebebasan. Objektif audit syariah perlulah dipersetujui bersama dengan pihak pengurusan dan auditee. Sebarang perubahan atau percanggahan hendaklah dimaklumkan kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti audit. Penyiasatan perlu dilakukan tentang kronologi dan keutuhan reputasi institusi untuk mengelakkan institusi mempunyai reputasi yang kurang baik. Antara objektif utama audit syariah ialah:

⁵ Sheila Nu Nu et al., *Accounting, Auditing and Governance for Takaful Operations* (Singapura: John Wiley & Sons Pte. Ltd, 2013), 130.

- i. Menentukan tahap pematuhan kepada Sistem Pematuhan Syariah (*Shariah Compliance System*).
- ii. Penilaian keupayaan sistem untuk mencapai pematuhan syariah kepada perundangan dan juga keperluan kontrak.
- iii. Penilaian keberkesanan sistem bagi memenuhi objektif yang ditetapkan.
- iv. Mengenalpasti peluang penambahbaikan sistem audit syariah.

JAS juga hendaklah memeriksa sama ada audit syariah boleh dilaksanakan dengan mengambilkira maklumat-maklumat yang secukupnya untuk merancang audit syariah, kerjasama dengan auditee berserta kesesuaian masa dan sumber. Jika sekiranya ia tidak sesuai untuk dipraktikkan, alternatif perlu dicadangkan dan dipersetujui bersama contohnya, menunda tarikh audit.

JAS juga perlu memahami sifat operasi yang berteraskan syariah Islam dan persekitaran urusniaga yang berlandaskan syariat khususnya berkenaan *fiqh mu'amalah*. Dengan kefahaman ini, ia akan membantu JAS untuk mengenalpasti kawasan berisiko tinggi dari sudut syariah (*Shariah High-risk Areas*), mengetahui mekanisme kawalan dalaman yang mematuhi syariah (*Internal Shariah-Compliant Control Mechanism*), mampu menjana soalan yang relevan dan menilai jawapan secara rasional. Selain itu, ia juga dapat meramal transaksi tidak patuh syariah yang tidak dijangka (*Shariah Noncompliant Transactions*), dan dapat membangunkan pelan audit syariah yang betul.⁶

Pengetahuan tentang persekitaran institusi dan industrinya amat penting kepada JAS di dalam menetapkan tahap penerimaan risiko audit dan kaedah pemilihan staf. Proses pengumpulan maklumat institusi adalah amat penting sebelum, ketika dan selepas sesuatu tugas audit syariah itu dilaksanakan. Begitu

⁶ *Ibid.*

juga JAS perlu memahami perniagaan pelanggan yang mana keputusannya dibuat oleh ahli-ahli lembaga penasihat syariah, model yang digunakan dalam institusi, manual produk-produk, dokumen-dokumen polisi, perjanjian-perjanjian, jenis pelaburan utama, sumber pendapatan, polisi harga, *underwriting*, amalan *underwriting* dan aktuari, ejen-ejen, cawangan-cawangan, pembiayaan, perakaunan dan sistem maklumat.⁷

Lantaran itu, JAS yang dilantik hendaklah mempunyai kompetensi yang ideal untuk mencapai objektif audit syariah. Pemahaman serta kepakaran dalam bidang syariah khususnya perakaunan dan syariah amatlah penting agar penilaian yang menghasilkan rumusan boleh dipercayai. Jika terdapat JAS yang masih dalam tempoh latihan dan menyertai pasukan audit syariah, semestinya perlulah di bawah seliaan JAS yang terlatih.

Jika memerlukan tenaga pakar untuk membantu, KAS perlulah mengenalpasti sumber tersebut untuk melengkapkan lagi kompetensi pasukan audit syariah. JAS juga hendaklah mendapatkan kepastian yang relevan agar tugas tenaga pakar sebagai penasihat adalah bersesuaian dengan tujuan auditnya. Jika perlu dimaklumkan juga kepada pihak auditee tentang kewujudan penasihat ini.

JAS perlu memaklumkan kepada auditee sebelum memulakan audit syariah untuk memastikan auditee bersedia untuk menerima kedatangan JAS dan mengenalpasti wakil auditee yang dipertanggungjawabkan untuk laluan komunikasi.⁸ Keperluan yang lain termasuklah keperluan khas mengenai keselamatan, permohonan untuk menyemak dokumen dan rekod serta komposisi pasukan audit syariah.

⁷ *Ibid.*

⁸ Razimah, *op. cit.*, 156.

3.3.1.2 Menjalankan Semakan

Setelah JAS memahami selok-belok secara menyeluruh perihal perniagaan institusi kewangan Islam tersebut dari sudut piawaian, perundangan, manual dan prosedur yang berkaitan dengan Sistem Pematuhan Syariah, maka JAS akan dapat menentukan teknik-teknik yang sesuai yang diperlukan dan jumlah pasukan audit syariah serta jenis sumber yang diperlukan untuk melengkapkan tugas audit syariah.

Setelah itu, skop dan objektif audit syariah akan menentukan prosedur audit yang sesuai dengan tujuan audit syariah yang dijalankan. Skop audit syariah akan menentukan jenis maklumat yang diperlukan, masa dan sumber manusia.⁹ Skop perlu munasabah kerana jika ia adalah untuk spesifik, ia tidak mungkin dapat membuat penilaian audit dengan jaminan yang munasabah dan jika ia adalah untuk umum ia akan menyebabkan mengambil masa lama dan peningkatan pada kos.¹⁰ Sebagai contoh pernyataan skop audit adalah “Untuk mengaudit produk pembiayaan bagi pematuhan syariah” (*to audit a financing product for Shariah compliance*).

Menurut Syed Alwi, skop audit syariah bergantung kepada tiga faktor iaitu:¹¹

- i. Mandat yang relevan - Juruaudit perlu menentukan sama ada skop yang diaudit mencapai matlamat yang lebih besar seperti yang dimandatkan.
- ii. Elemen keutamaan - Audit syariah perlu memberi fokus kepada isu-isu yang akan membawa ke arah pematuhan syariah institusi kewangan Islam.

⁹ Sheila Nu Nu, *op. cit.*, 131

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Syed Alwi Mohamed Sultan, *Shari'ah Audit for Islamic Financial Institutions – A Primer* (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2009), 70.

iii. Auditabiliti - Berkaitan dengan keupayaan juruaudit untuk menjalankan pemeriksaan mengikut piawaian yang diiktiraf. Jika terdapat bukti bahagian audit tertentu terlalu lengkap atau terdapat ketidakpastian standard dan penanda aras yang betul untuk menangani bahagian tersebut, maka juruaudit harus tidak memasukkan skop yang tertentu dari rancangan audit.

Sekiranya audit syariah pernah dilaksanakan sebelumnya, JAS perlu merujuk Laporan Ketidakpatuhan dan Laporan Penemuan Hasil Audit terdahulu berserta Senarai Semak Audit bagi membantu menentukan perkara yang perlu diberi perhatian khusus pada proses audit syariah yang terkini.

3.3.1.3 Pelan Tindakan dan Program Audit Syariah

Penyediaan pelan tindakan audit syariah mestilah disediakan sebagai asas persetujuan sebagaimana audit syariah dijalankan di antara JAS dengan auditee. Ianya juga akan memudahkan perjadualan serta koordinasi aktiviti audit syariah agar kerja-kerja pengauditan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Begitu juga dengan adanya pelan audit, ia akan mengenalpasti aktiviti-aktiviti utama yang akan dijalankan, objektif setiap aktiviti dan teknik-teknik yang akan digunakan untuk mencapai setiap objektif audit.¹²

Pelan audit syariah diperincikan sejajar dengan skop dan bagaimana kompleks aktiviti yang akan diauditkan. Ianya hendaklah diselarikan mengikut kesesuaian berdasarkan kemajuan aktiviti audit. Jadual mesyuarat semasa audit syariah akan disediakan oleh KAS sebagai pemberitahuan kepada auditee tentang perjalanan tugas audit syariah. Masa serta tenaga kerja yang

¹² *Ibid.*, 71.

mencukupi hendaklah diuruskan supaya audit syariah dapat dioperasikan dengan efisien. Kriteria masa yang hendak diperuntukkan mestilah mengambil kira soalan yang akan diajukan, kerumitan proses dan sistem yang didokumenkan.¹³ Contoh Pelan Tindakan ditunjukkan sebagaimana Jadual 3.1 di Lampiran C.

Amalan yang baik ialah KAS membincangkan Pelan Tindakan Audit Syariah dengan pihak Pengurusan Atasan untuk kelulusan. Pelan ini seterusnya akan dimaklumkan kepada auditee sebelum audit dijalankan. Sebarang percanggahan pendapat hendaklah diselesaikan dan Pelan Tindakan Audit Syariah yang dipinda hendaklah dipersetujui terlebih dahulu sebelum kerja audit dilakukan.

Manakala Program Audit Syariah direka untuk mengaudit bahagian tertentu dalam skop keseluruhan pelaksanaan audit.¹⁴ Ianya adalah lebih kurang sama dengan senarai semak untuk menyemak dan mengenalpasti institusi kewangan Islam tersebut mengikut pematuhan kepada syariah. Sehubungan dengan itu, maka adalah menjadi keperluan untuk mempunyai beberapa program audit yang berlainan bagi pelbagai jabatan dan aktiviti-aktiviti perniagaan yang akan diaudit.¹⁵

Program audit syariah adalah satu set audit atau lebih yang dirancang bagi tempoh waktu yang tertentu bagi mencapai objektif pematuhan syariah. Program audit syariah memberi komunikasi apa yang diaudit, bila dan siapa yang akan melaksanakannya. Persoalan apa yang diaudit diklasifikasikan oleh proses individu atau proses-proses yang berkaitan dengan institusi kewangan Islam. Ia juga meliputi kesemua aktiviti yang diperlukan bagi merancang,

¹³ Razimah, *op. cit.*, 157.

¹⁴ Mustafa Mohd Hanefah et al., *Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institutions* (Negeri Sembilan: USIM Publisher, 2012), 177.

¹⁵ *Ibid.*

mengurus dan melaksanakan audit syariah dengan efisien dan berkesan. Program audit syariah yang dicadangkan boleh digunakan untuk mengaudit ke atas penyata kewangan, audit pematuhan dan kajian kecukupan proses urus tadbir syariah.

Program audit syariah boleh dirujuk kepada standard yang dikeluarkan oleh BNM pada tahun 2010 iaitu Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan boleh juga merujuk kepada standard AAOIFI seperti Standard Urus Tadbir Institusi Kewangan Islam (GSIFI) dan Standard Pengauditan Institusi Kewangan Islam (ASIFI).¹⁶

Contoh Program Audit Syariah dapat dilihat dengan jelas sebagaimana Jadual 3.2 di Lampiran D dan Jadual 3.3 di Lampiran E.

3.3.2 Pelaksanaan Audit Syariah

Setelah memilih strategi audit syariah yang sesuai, JAS boleh melaksanakan perancangan audit mereka. Pemilihan strategi audit syariah haruslah dibuat berdasarkan kesesuaian terhadap kitaran dan objektif audit tertentu dan tidak untuk tugas audit secara keseluruhan. Sehubungan dengan itu tempoh pelaksanaan audit syariah perlu dirancang dengan teliti oleh JAS.

Sesuatu tugas audit boleh dilaksanakan sama ada secara berperingkat di sepanjang tahun kewangan ataupun secara sepenuhnya di akhir tahun kewangan. Pemilihan tentang bila dan bagaimana sesuatu prosedur audit itu akan dilaksanakan banyak bergantung kepada strategi audit syariah yang digunapakai serta jenis ujian yang dijalankan. Bagi tujuan pematuhan syariah, adalah sesuai dilaksanakan secara

¹⁶ *Ibid.*

berperingkat di sepanjang tahun kewangan. Terdapat banyak kesan positif yang boleh diperolehi antaranya:¹⁷

- i. Dapat mengoptimalkan tenaga kerja dengan lebih cekap dan berkesan lebih-lebih lagi perlaksanaannya tidak tertumpu hanya pada akhir tahun.
- ii. Mempunyai lebih banyak masa untuk menilai semula komponen-komponen, risiko dan perancangan audit.
- iii. Berpeluang untuk menambahkan lagi bentuk ujian kawalan ataupun melakukan pemantauan yang lebih rapi terhadap sebarang perubahan material di dalam operasi institusi.

Pemilihan waktu yang relevan untuk melakukan ujian pengesahan akan banyak bergantung kepada tahap keberkesanan kawalan dalaman. Ini adalah untuk memastikan maklumat yang dicernakan adalah sah, saksama dan terhasil di dalam tahun kewangan yang diaudit bahkan mengambil kira perubahan-perubahan persekitaran yang berlaku di sepanjang tahun kewangan tersebut.

Pelaksanaan audit syariah melibatkan pelbagai langkah yang dilakukan secara tersusun. Setiap langkah adalah berkaitan antara satu sama lain. Proses audit syariah ini berlaku dalam jangka masa tertentu, yang berbeza-beza mengikut bentuk pemantauan. Antara unsur yang terlibat dalam proses pelaksanaan audit syariah termasuklah:

3.3.2.1 Mesyuarat Pembukaan

Mesyuarat diadakan dengan Wakil Pengurusan dan pengurusan kanan jabatan atau bahagian yang akan diaudit. Ianya dipengerusikan oleh KAS sendiri. Dengan adanya mesyuarat ini, JAS akan dapat menganggarkan

¹⁷ Masitah, *op. cit.*, 58.

komitmen pengurusan terhadap sistem dan tanggapan kepentingan audit syariah dari kacamata auditee.¹⁸ Ia juga bertujuan antara lain untuk:

- i. Mengesahkan pelan tindakan audit syariah.
- ii. Menerangkan bagaimana audit syariah akan dilaksanakan.
- iii. Mengesahkan laluan komunikasi dan bagaimana penemuan audit syariah akan dilaporkan.
- iv. Memberi peluang auditee mengajukan soalan.

3.3.2.2 Semakan Pendekatan Syariah

Tugas pertama JAS adalah mengetahui dan memahami apa yang hendak dicari. Asas bagi mendapatkan bukti audit syariah amat penting dan perlu diberi penekanan. Maklumat mestilah bertepatan dengan objektif audit syariah, skop dan kriteria audit syariah yang ditetapkan.

Tugas utama JAS dengan mengenalpasti proses dan apa yang berlaku pada setiap proses. Infomasi yang dikumpulkan meliputi suamuka antara fungsi, aktiviti dan proses. Setelah infomasi ini diketahui, baharulah JAS akan dapat memastikan bagaimana proses diuruskan.¹⁹

Terdapat beberapa kaedah audit pematuhan syariah yang perlu disemak untuk memelihara Sistem Jaminan Halal kepada institusi kewangan Islam (*Halal Assurance System of Islamic Financial Institutions*). Antara pendekatan yang terlibat dalam pematuhan syariah ialah:

¹⁸ Razimah, *op. cit.*, 161.

¹⁹ *Ibid.*, 165.

a. Elemen Haram

Kriteria utama dalam audit pematuhan syariah adalah untuk menyemak dengan teliti perkara-perkara yang dibenarkan ‘Halal’ dan menjauhi dari larangan ‘Haram’ sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Perlu dipastikan, pengamalan semasa institusi perlulah selari dengan prinsip-prinsip syariah, perhatian kepada masalah riba, perkara-perkara kesamaran (*gharar*), perjudian dan komoditi yang dilarang seperti arak dan daging babi dan lain-lain. Elemen ini sejajar dengan prinsip syariah supaya hukum menjadi undang-undang utama dan asas dalam transaksi perniagaan dan kewangan agar ianya dinyatakan secara pragmatik dan relevan. Dengan cara ini, memudahkan kepada JAS untuk membezakan institusi kewangan Islam dengan institusi kewangan konvensional.

Prinsip-prinsip juga boleh bermakna nilai-nilai, kepercayaan utama dan doktrin yang bukan bersifat ketetapan. Prinsip-prinsip seperti larangan riba, *gharar* dan *maisir* dalam urusan niaga kewangan terdapat dalam peraturan undang-undang Islam yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, apabila prinsip-prinsip syariah yang dibuat sama dengan “peraturan undang-undang atau nilai-nilai” (*ahkam*), ia cenderung untuk menyempitkan pengertian am prinsip syariah dalam bidang kuasa keharusan (halal) dan larangan (haram).²⁰

b. Elemen ‘Aqad (Kontrak)

Elemen Halal dan haram juga berkait rapat dengan penggunaan instrumen kewangan yang ditentukan dengan kesahihan kontrak (*‘aqad*). ‘Aqad boleh didefinisikan sebagai ikatan kehendak antara dua pihak yang berasaskan

²⁰ Sheila Nu Nu, *op. cit.*, 132.

tawaran daripada satu pihak dan terimaan daripada satu pihak yang lain.²¹ Ini bermaksud dalam satu akad perlu ada *ṣighah* (tawaran dan terimaan), *aqidān* (penawar, penerima tawaran) dan *ma'qud 'alayh* (harga atau benda yang ditawarkan). Bagaimanapun, para fuqaha' tidak sependapat tentang rukun iaitu ciri-ciri yang membentuk sesuatu akad.²²

Jumhur fuqaha' berpendapat, akad terbentuk daripada lafaz tawaran, terimaan, pemberi tawaran, penerima tawaran dan subjek tawaran itu sendiri iaitu barang dan harga.²³ Sebagai contoh, untuk mengesahkan sesuatu perkara tersebut pertamanya, ia harta yang sebenar (*māl-mutawawim*) dan yang kedua penjual memiliki pegangan barangan yang sah. Harga yang sah bermaksud bahawa harga mesti ditetapkan semasa kejadian berlakunya transaksi dan mestilah diketahui oleh pembeli. Manakala pembeli dan penjual yang sah bermaksud mereka adalah rasional (*aqil baliqh*) untuk menjalankan transaksi tersebut supaya mereka memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing. Dalam erti kata lain, unsur-unsur kesamaran (*gharar*) mesti dielakkan dalam semua kontrak undang-undang Islam kerana dengan adanya unsur ini akan menyebabkan kecacatan dalam kontrak. Maka apabila wujud *gharar* dalam kontrak, ia akan menjadi tidak sah dan seterusnya tidak akan menerima perlindungan undang-undang.²⁴

²¹ Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2009), 36.

²² *Ibid.*

²³ Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad Al-Khātīb al-Syarbinī, *Al-Iqna' fī Hāll Alfāz Abī Syujā'*, (Damshiq: Dār al-Khayr, 1985), 1:3.

²⁴ Sheila Nu Nu, *op. cit.*, 133.

c. Elemen *Maqāsid Syarī'ah*

Hukum syariah tidak boleh diaplikasi secara berasingan daripada maqasid syariah kerana sekiranya hal ini berlaku, syariah tidak akan terlaksana secara total dan matlamat yang diingini daripada pelaksanaan hukum syariah tidak akan dipenuhi. Oleh itu, prinsip maqasid syariah bukanlah sekadar suatu teori tetapi perlu diaplikasi. Maqasid syariah adalah merupakan matlamat atau hikmah atau rahsia di sebalik penetapan sesuatu hukum syariah. Malah setelah ulama' meneliti segala atau kebanyakan hukum syariah, mereka mendapati bahawa maqasid syariah yang utama adalah menjamin manfaat (manusia) dan melindungi mereka daripada kejahatan dan kerosakan sama ada dalam kehidupan dunia atau akhirat serta mencapai keadilan.²⁵

Para ulama' telah mengklasifikasikan maqasid syariah berdasarkan beberapa kategori, iaitu *Daruriyah* (Asasi), *Hajiyyah* (Keperluan) dan *Tahsiniyah* (Pelengkap). Setiap hukum syariah cuba untuk memenuhi salah satu maqasid syariah di atas atau kesemuanya.²⁶ Hal ini bermakna maqasid syariah berfungsi untuk melakukan dua perkara penting, iaitu *tahsil*, iaitu didupakannya manfaat (*manfaah*) dan *ibqa*, iaitu menangkis bahaya atau kecederaan (*maḍarrah*) seperti yang disyariatkan oleh Allah SWT. Dalam hal ini, inovasi dalam kewangan Islam dan segala usaha untuk menguji kesahihan produk baru atau sedia ada mesti mematuhi maqasid syariah.²⁷

²⁵ Mohamad Akram Laldin, *Maqasid Syariah Sebagai Dasar Sistem Ekonomi Berkeadilan*, Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Maqasid Shariah: Menggagas Model Ekonomi Berkeadilan pada 7 Ogos 2010 sempena Ijimak Harakiy Pertama WADAH-ABIM-PKPIM di German-Malaysian Institute, Kajang.

²⁶ Sila rujuk, Riyād Maṣūūr al-Khalifī, "Al-Maqāsid al-Syar'iyah wa Athāruhā fī fiqh al-Mu'amalat al-Āliyyah," Majallah Jāmi'at al-Malik 'Abdul 'Aziz, *al-Iqtisād al-Islāmī*, No. 1, 1425/2004, 17:12.

²⁷ Sheila Nu Nu, *op. cit.*, 133.

Konsep *maṣlahah* (kepentingan umum) dan *ḍarar* (kemudharatan) juga adalah dua konsep yang amat berkait rapat dengan maqasid syariah. Pemerhatian kepada dua konsep ini membawa kepada realisasi maqasid syariah, iaitu menjamin kepentingan manusia dan memeliharanya daripada kemudharatan. Kedua-dua aspek ini mestilah ditentukan berdasarkan panduan syariah dan bukan berpandukan akal manusia semata-mata. Ulama' telah membicarakan konsep-konsep ini dan mengambil kira dalam mengeluarkan hukum. Malah, terdapat banyak kaedah fiqah yang telah dibangunkan sebagai panduan kepada aplikasinya, antaranya:²⁸

- i. *Daf' al-mafasid muqaddam 'ala jalb al-manafi'*: "Menghalang kejahatan atau kemudharatan adalah lebih utama daripada mendapatkan manfaat."²⁹
- ii. *Al-ḍarar yuzal*: "Kemudharatan perlu dibasmi."³⁰
- iii. *Al-ḍarar yudfa' bi qadr al-imbān*: "Kemudharatan perlu dibasmi sedaya upaya."³¹

Oleh yang demikian, berhubung dengan perlindungan harta (*al-mal*), larangan riba berfungsi untuk menangkis bahaya yang ditanggung oleh pembayaran faedah kerana ia akan memberi kemudharatan kepada harta seseorang. Oleh itu, dengan larangan riba, kesan berbahaya (*maḍarrah*) kemiskinan dan jurang pendapatan yang boleh dielakkan.

²⁸ Mohamad Akram Laldin, *op. cit.*

²⁹ Abū Ḥāmid, Muḥammad al-Ghazālī, *Al-Mustasyfā min 'Ilm al-Usul* (Beirut, Dar al-Fikr, (n.d.)), 1:140.

³⁰ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman ibn Abī Bakr al-Ṣuyutī, *al-Asybah wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furu' Fiqh al-Syāfi'iyah* (Indonesia : Dar Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyah, 1985), 59.

³¹ Aḥmad ibn al-Syaykh Muḥammad al-Zarqa, *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhīyah* (Dimashq : Dar al-Qalam, 1989), 207-208.

3.3.2.3 Semakan Dokumentasi dan Rekod

Dalam menjalankan audit syariah, JAS perlu menyemak sistem dengan mengenalpasti proses ‘*core business*’ organisasi. Dalam konteks ini, JAS perlu memastikan kesemua aktiviti, sumber dan kelayakan tenaga kerja dikaitkan dengan betul melalui sistem pengurusan termasuklah juga dokumen dan rekod. Ia dilakukan bertujuan untuk:³²

- i. Menyemak ketelusan sistem dalam bentuk pernyataan prosedur, arahan kerja, fail meja, senarai tugas dan sebagainya.
- ii. Menyemak tahap kesempurnaan arahan kerja, prosedur, jadual dan sebagainya, yang dapat memberi arah tuju dan menerangkan aktiviti kawalan kualiti di dalam organisasi.
- iii. Menyemak pelaksanaan yang betul dan berkesan ke atas sistem melalui rekod yang telah dikenalpasti.

Bukti objektif yang diperolehi dari semakan dokumentasi dan rekod adalah melalui pengesahan makluman auditee. Antara mekanisme yang terlibat dalam semakan ini adalah seperti berikut:

a. Elemen Dokumentasi Perundangan

Tujuan dokumentasi undang-undang adalah untuk menyediakan keselamatan untuk pihak yang berkontrak melibatkan hak-hak mereka, kewajipan dan tanggungjawab yang dinyatakan dengan jelas dalam syarat-syarat perjanjian atau kontrak. Keselamatan tersebut membolehkan mereka untuk mendapatkan perlindungan undang-undang dalam kes hasil kontrak yang tidak disedari seperti yang dipersetujui dalam perjanjian.³³

³² Razimah, *op. cit.*, 188.

³³ Sheila Nu Nu, *op. cit.*, 133.

Dalam usaha untuk memastikan bahawa setiap produk-produk baru dan semua kontrak produk perbankan Islam adalah sepenuhnya mematuhi prinsip-prinsip syariah, JAS hendaklah mengenal pasti unsur-unsur yang dilarang terutamanya dalam kontrak seperti:

- i. Ugutan (*ikrah*)
- ii. Kesilapan (*ghalat/khata'*): untuk pihak-pihak tertentu, atau perkara-perkara tertentu.
- iii. Ketidaksamaan (*ghubn*): sama ada serius dan juga tidak serius.
- iv. Penipuan (*taghrir*): penipuan lisan dan juga bukan lisan.
- v. Item-item dan juga aset-aset haram.
- vi. Motif atau tujuan yang menyalahi undang-undang.

Pendekatan JAS haruslah lebih berstruktur supaya boleh mengingatkan kriteria yang berkaitan. Semasa semakan dokumentasi, JAS boleh melaksanakan perkiraan (*computation*) dengan menyemak ketepatan *arithmetic* dokumen asas, analisis data atau rekod.³⁴ Seiring dengan semakan dokumentasi, pemerhatian digunakan bagi mengesahkan keadaan yang sebenar perlaksanaan sistem pematuhan syariah.

b. Elemen Laporan Kewangan

Tujuan penyata kewangan atau laporan kewangan adalah untuk memberi maklumat tentang kekuatan kewangan, prestasi dan perubahan dalam kedudukan kewangan organisasi yang berguna kepada pelbagai pengguna dalam membuat keputusan ekonomi. Ia berfungsi untuk menghapuskan kesamaran (*gharar*) dalam kontrak kewangan melalui laporan fakta urusniaga ini. Hal ini bertepatan dengan laporan kewangan yang

³⁴ Razimah, *op. cit.*, 189.

menjelaskan tentang apa yang diurusniagakan dalam urusan perniagaan. Bertitik tolak daripada itu, mampu untuk mengetahui sama ada, urus niaga tersebut adalah pinjaman atau jualan, dan adalah satu yang benar atau tidak. Ini penting kerana maklumat perakaunan digunakan oleh pelabur yang membuat keputusan ekonomi dengan membuat ramalan aliran tunai masa depan syarikat mereka dalam pelaburan. Dalam konteks ini, laporan kewangan perlu difahami, relevan, boleh dipercayai dan setanding seperti yang ditetapkan oleh Standard Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).³⁵

Perakaunan boleh ditakrifkan sebagai proses mengenal pasti, mengukur dan menyampaikan maklumat ekonomi untuk membenarkan penghakiman berdasarkan maklumat dan keputusan oleh pengguna maklumat. Dalam Islam, perakaunan di bawah bidang kuasa *hisb* dan sebahagian daripada sistem *al- hisbah*.³⁶

Keperluan pendedahan tambahan dan kontrak yang berbeza serta mekanisme yang memerlukan prosedur audit tambahan membuktikan operasi institusi penting bagi JAS dalam menyatakan pendapat serta memberikan jaminan yang munasabah. Piawaian ini secara khusus menyatakan peranan dan fungsi juruaudit luar serta sokongan yang diperlukan daripada audit dalaman dan jawatankuasa audit dan tadbir urus. Tiada garis panduan khusus ke atas audit dalaman institusi telah diisytiharkan buat masa ini. Peranan ini boleh diasimilasikan dan diambil contohnya daripada piawaian AAOIFI yang telah merangka kerja

³⁵ Sheila Nu Nu, *op. cit.*, 134.

³⁶ *Ibid.*

pelaporan kewangan bagi institusi kewangan Islam yang telah menetapkan garis panduan laporan dan keperluan urus niaga kewangan dan aktiviti.³⁷

3.3.2.4 Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan untuk menyemak kedudukan atau status peralatan, bahan, manusia dan produk. Dalam audit syariah, JAS perlu mengesahkan jawapan yang diberikan semasa temu duga dengan memerhatikan keadaan sebenar, membuat pengukuran atau semakan rekod.³⁸ Apabila jawapan tersebut disokong oleh pemerhatian, JAS dikatakan telah mendapat ‘bukti objektif’ dan penentuan yang dibuat ke atas penemuan audit tidak berupa subjektif atau berdasarkan pendapat semata-mata. Tujuan pemerhatian diadakan adalah untuk:³⁹

- i. Memastikan pelaksanaan sistem pematuhan syariah yang betul.
- ii. Memastikan penyimpanan dan kemudahan rekod, bahan dan produk yang baik.
- iii. Memastikan produk yang tidak memenuhi spesifikasi syariah diasingkan dan dibuang.
- iv. Memastikan pemeriksaan dan penilaian produk dilakukan dengan teratur.
- v. Menyemak kewujudan, kecukupan, penggunaan dan penyelenggaraan sumber, peralatan serta kemudahan bagi membolehkan pelaksanaan yang tepat dan betul.

Mengfokuskan terhadap perkara-perkara yang diaudit dan mendapatkan maklumat untuk mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menangani ketidakpatuhan yang ditemui. JAS mestilah bijak mendapatkan sebarang

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Razimah, *op. cit.*, 189.

³⁹ *Ibid.*

dokumen atau rekod semasa auditee memberikan penjelasan tentang sesuatu proses. Kaedah dan amalan ini dikenali sebagai ‘Soal, Semak dan Sahkan’.⁴⁰

3.3.2.5 Mesyuarat Penutup

Setelah selesai pelaksanaan audit syariah, JAS perlulah memberitahu keputusan audit atau penemuan-penemuan yang timbul semasa auditan syariah. Perkara-perkara yang tidak dimaklumkan kepada Auditee semasa pemeriksaan dilakukan tidak harus dimasukkan ke dalam Laporan Audit Syariah disebabkan ianya akan memberikan kejutan kepada auditee. Ini akan menimbulkan konflik dan ketegangan antara JAS dan auditee.

Mesyuarat penutup memberi peluang kepada JAS untuk:

- i. Menyampaikan secara lisan penemuan audit syariah secara profesional.
- ii. Menerangkan kepada auditee bentuk, skop dan tahap ketidakpatuhan yang ditemui supaya tindakan pembetulan dan pencegahan dapat diambil.
- iii. Menentukan tarikh untuk audit susulan.

Pihak auditee mestilah berlapang dada dengan penemuan audit tanpa pertikaian apabila penerangan yang diberikan oleh JAS. Pihak auditee juga seharusnya diberi peluang untuk mendapatkan penjelasan yang secukupnya bagi membantu mereka mengambil tindakan pembetulan dan pencegahan yang efisien dan bersesuaian.⁴¹

⁴⁰ *Ibid.*, 190.

⁴¹ *Ibid.*, 216.

3.3.3 Laporan Audit Syariah

Kesempurnaan audit syariah terletak pada penemuan yang dilaporkan disusuli tindakan pembetulan yang diambil. Pelaporan yang akan menentukan sama ada sistem pematuhan syariah berjalan lancar atau perlu kepada penambahbaikan.

Kesemua pelaporan mestilah disokong dengan bukti objektif. Fakta-fakta yang dikemukakan berserta bukti objektif haruslah dipersetujui oleh pihak auditee bagi mengesahkan jika berlaku ketidakpatuhan, perlu ada komitmen dari auditee untuk memperbaiki kelemahan tersebut.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan ‘Garis Panduan kepada Laporan Kewangan Bagi Bank-bank Islam Berlesen’ (GP8-i). Sementelahan, ia menyediakan garis panduan bagi pembentangan dan mengemukakan laporan serta penyata kewangan bank Islam dalam menjalankan aktiviti-aktiviti perbankan dan kewangan pada tahun 2005.⁴² GP8-i menetapkan keperluan pendedahan minimum yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan Islam. Antara keperluan pendedahan itu adalah pendedahan laporan audit sebagai sebahagian daripada laporan tahunan institusi kewangan Islam. Laporan audit syariah mencerminkan pendapat JAS ke atas penyata kewangan dan sistem pematuhan yang telah diaudit dan perakaunan institusi serta rekod lain yang berhubungan dengan akaun-akaun yang telah ditetapkan dalam seksyen 169 dan 174 Akta Syarikat 1965.⁴³

Bukti-bukti yang disemak dan dikumpulkan dalam pelaksanaan audit syariah hendaklah dianalisis dan dinilai secara kritikal untuk menghasilkan kesimpulan bahawa operasi keseluruhan institusi adalah mematuhi undang-undang syariah dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Hal ini disebabkan oleh liputan meluas dalam skop

⁴² Bank Negara Malaysia, *Guidelines on Financial Reporting for Licensed Islamic Banks* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2005), 25.

⁴³ Mustafa Mohd Hanefah, *op. cit.*, 226.

audit syariah yang ditetapkan dalam SGF daripada BNM.⁴⁴ Walaupun pelaporan kepada aspek syariah telah dibincangkan melalui laporan Jawatankuasa Syariah, adalah penting bagi operasi keseluruhan dijamin oleh pihak luar, iaitu JAS luar. Dengan itu laporan audit syariah perlu mengandungi ungkapan yang jelas bukan sahaja ke atas penyata kewangan tetapi operasi keseluruhan institusi yang mematuhi prinsip-prinsip syariah.⁴⁵

KAS perlu menyediakan Laporan Audit Syariah yang lengkap setelah selesai sesi pengauditan untuk pembentangan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan. Penemuan audit syariah dikategorikan sebagai Pemerhatian, Minor dan Major serta ianya dianalisis supaya rumusan dapat dibuat bagi penambahbaikan sistem pematuhan syariah. KAS juga bertanggungjawab menganalisis tren dan mengenalpasti segmen punca ketidakpatuhan syariah. Penemuan dirumuskan dalam Kesimpulan Penilaian Audit. Tren defisien setiap kategori dikaji untuk membolehkan sebarang tindakan pembetulan dapat diambil dengan berkesan dan tindakan pencegahan dilaksanakan untuk mengelakkan dari berlakunya sesuatu ketidakpatuhan yang berpunca sama ada dari manusia, sistem dan peralatan.⁴⁶ Pembahagian tersebut seharusnya sama dengan yang digunakan di dalam Laporan Ketidapatuhan agar ianya tidak berlaku kekeliruan di dalam pelaporan.

Elemen-elemen asas laporan audit syariah hendaklah termasuk unsur-unsur yang digariskan dalam Jadual 3.4 manakala contoh gambaran dapat dilihat dengan jelas sebagaimana Jadual 3.5 di Lampiran F.

⁴⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 24.

⁴⁵ Mustafa Mohd Hanefah, *op. cit.*

⁴⁶ Razimah Abdullah, *op. cit.*, 240.

Jadual 3.4: Elemen Asas Laporan Audit Syariah

Perkara	Butiran
Tajuk	Laporan JAS hendaklah mempunyai tajuk yang sesuai.
Alamat Penerima	Kepada siapa lapor tersebut dibuat.
Perenggan pembukaan atau pengenalan.	Laporan Pematuhan Syariah yang tertakluk pada laporan itu telah diaudit.
Perenggan Skop	Menerangkan selok-belok audit Syariah.
Perenggan Pendapat	Mengandungi ungkapan pendapat mengenai penemuan / bukti objektif.
Perenggan Penekanan	Perkara-perkara yang berkaitan dengan anak-anak syarikat.
Alamat dan Tandatangan JAS	
Tarikh	Tarikh laporan.

Laporan Ketidapatuhan merupakan salah satu mekanisme JAS semasa melaksanakan audit syariah. Format laporan ini seharusnya mudah dan senang diaplikasikan. Nyatakan prosedur atau rujukan dokumen yang tidak dipatuhi. Rekodkan rujukan dokumen atau rekod sebagai bukti objektif. Kenalpasti punca ketidapatuhan daripada penerangan yang didapati dari auditee. Rujuk Jadual 3.6 di Lampiran G bagi contoh format Laporan Ketidapatuhan.

3.3.4 Audit Susulan

Tindakan Pembetulan perlu diambil daripada hasil penemuan audit syariah dan ianya tidak perlu dinyatakan oleh pihak auditee. KAS atau pun JAS tidak bertanggungjawab dalam mengenalpasti Tindakan Pembetulan yang seharusnya diambil. Walau bagaimana pun, JAS boleh memberi pandangan berdasarkan amalan dan pengalaman.⁴⁷

Audit susulan adalah satu program yang dibuat untuk memastikan perkara-perkara yang telah dipersetujui diambil tindakan pembetulan yang akan dilakukan oleh

⁴⁷ *Ibid.*, 220.


pihak pengurusan yang diaudit sepertimana yang telah dinyatakan dalam laporan audit asal. Audit susulan biasanya dijalankan dalam masa 6 hingga 12 bulan selepas laporan audit asal dikeluarkan oleh JAS. Pemberitahuan perlu bila audit susulan akan dijalankan dan cara penyemakan yang akan diambil. Dapatkan persetujuan auditee bagi tarikh yang dicadangkan. JAS juga boleh memaklumkan bila dan aktiviti apa yang akan diaudit pada masa akan datang.

Audit susulan dijalankan untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil oleh auditee bagi penemuan-penemuan audit dan penambahbaikan telah dilaksanakan. Auditan ini mengulangi proses normal auditan, tetapi skopnya terhad berdasarkan laporan akhir dan respon rasmi koresponden. Tindakan susulan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit yang menimbang kesesuaian/kewajaran atau sebaliknya tindakan yang diambil.

Setelah cadangan Tindakan Pembetulan difikirkan sesuai, maka ia perlulah dilaksanakan. Ia juga boleh mendapatkan pandangan daripada JAS tentang cadangan tersebut. Jika ianya bersesuaian, maka dilaksanakan Tindakan Pembetulan tersebut sepertimana yang dicadangkan. Rentetan daripada itu, pihak JAS mengulangi proses normal auditan sekali lagi, tetapi skopnya terhad berdasarkan elemen pembetulan sahaja. Jika ia telah memenuhi apa yang dikehendaki, maka Perakuan Keberkesanan akan dikeluarkan oleh JAS tentang tindakan pembetulan tersebut.

Aliran modus proses Tindakan Pembetulan yang perlu diambil hasil daripada penemuan audit syariah digambarkan dalam Rajah 3.4. Cadangan Tindakan Pembetulan serta Tindakan Pembetulan yang dilaksanakan oleh auditee akan disemak keberkesanannya oleh JAS semasa audit susulan.

Rajah 3.4: Carta Alir Tindakan Pembetulan



Sumber: Temu bual.

3.3.4.1 Penutupan Laporan Ketidakpatuhan

Laporan Ketidakpatuhan akan menyatakan ketidakpatuhan yang ditemui. Ia tidak menunjukkan tindakan pembetulan yang realiti sama ada telah atau akan diambil oleh auditee. Faktor penyebab ketidakpatuhan perlu dikenalpasti

agar tindakan pembetulan boleh diambil dan mencegah ketidakpatuhan atau kelemahan sistem tidak berulang lagi.

Tindakan menutup Laporan Ketidakpatuhan amatlah penting. JAS perlu melengkapkan bahagian lima verifikasi dalam contoh Laporan Ketidakpatuhan di Jadual 3.6. Ia juga dikenali sebagai Audit Susulan dan antara perkara berikut perlu diberi perhatian:

- i. JAS menyemak tindakan pembetulan yang diambil berdasarkan dokumen dan pemerhatian di tempat auditee.
- ii. Memastikan penyebab ketidakpatuhan telah dikenalpasti dan diambil tindakan yang dapat mencegahnya daripada berulang.
- iii. Memastikan tindakan yang diambil adalah berkesan, didokumenkan dan dokumen serta rekod yang berkaitan dikemaskini.

Semua aktiviti Audit Susulan perlulah dilaporkan dan perkara yang terbaik, segala penemuan ketidakpatuhan audit Syariah ditutup di dalam Audit Susulan. Sekiranya Tindakan Pembetulan tidak dapat diselesaikan pada tarikh Audit Susulan dijalankan, isu penyebab kelewatan perlu direkodkan. Tarikh susulan tidak semestinya dilakukan oleh JAS asal yang membuat penemuan audit.

3.3.4.2 Pemantauan Penemuan Audit Syariah

Untuk memastikan keberkesanan audit syariah, apa sahaja ketidakpatuhan yang dikesan perlu kepada pemantauan. Pihak pengurusan hendaklah mengambil inisiatif kepada tindakan pemantauan yang dikemaskini serta memastikan pembetulan dibuat bagi mengelakkan kelemahan sistem daripada berulang kembali. Contoh format pemantauan pada Jadual 3.7 di Lampiran H biasa digunakan. Log audit syariah mencatatkan kesemua

ketidakpatuhan yang dikesan bagi sesuatu Laporan Penemuan Hasil Audit dan tindakan audit susulan yang dilakukan.

Sebelum tarikh tindakan pembetulan dimuktamadkan, pihak JAS hendaklah menyemak kembali sama ada tindakan yang sewajarnya telah diambil. Ini akan dapat mengurangkan ketegangan di antara auditee dan JAS pada tarikh audit susulan kerana kemungkinan auditee belum selesai mengambil tindakan pembetulan.

Jika tindakan pembetulan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang sepatutnya, JAS hendaklah menyemak status tindakan yang diambil serta melaporkan status berkenaan untuk tindakan Pengurusan Atasan seterusnya. Sebab-sebab mengapa tindakan pembetulan tidak dilaksanakan perlu diketahui dan dinilai sama ada munasabah atau tidak. Implikasi dengan sistem untuk berkomunikasi tentang kegagalan auditee mengambil tindakan, keseluruhan proses audit tidak akan dianggap remeh.⁴⁸

3.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, perbincangan mengenai konsep audit syariah serta aplikasinya di Malaysia ini telah dilakukan secara tersusun dan holistik serta komprehensif. Ini merupakan suatu pendekatan bagi penyelidik memahami lebih mendalam berkenaan pengurusan audit syariah serta perkembangannya di Malaysia. Jelasnya, amalan audit syariah ini termasuk dalam aspek '*ubudiyyah* (mentaati serta mendapat keredhaan Allah SWT yang menghubungkan antara *habl min Allah* serta *habl min al-Nas* di dunia dan di akhirat.

⁴⁸ *Ibid.*, 225.

Kewujudan elemen tidak patuh syariah bukan sahaja akan memberi kesan kepada keyakinan orang ramai kepada institusi kewangan Islam malah, ia mungkin mendedahkan institusi kewangan Islam kepada risiko seperti risiko fidusiari dan reputasi.⁴⁹ Pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah akan dicapai dan direalisasi dengan amalan yang wajar dalam audit syariah. Pembangunan kepada amalan audit syariah adalah penting untuk melengkapkan mekanisme yang mematuhi syariah yang sudah di tempat dan diamalkan secara dalaman dalam institusi kewangan Islam. Audit syariah perlu dilaksanakan secara sistematik sebagai sebahagian daripada mekanisme tadbir urus korporat institusi kewangan Islam. Pendek kata, ia akan mengurangkan risiko operasi ketidakpatuhan syariah dalam institusi kewangan Islam dan meningkatkan pergantungan pihak berkepentingan mengenai prestasi dan pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah.⁵⁰ Maka hasilnya akan merapatkan jurang yang wujud di antara harapan orang ramai mengenai amalan pengauditan syariah dengan amalan sebenar yang dijalankan oleh institusi kewangan Islam khususnya di Malaysia.

⁴⁹ Mustafa, *op. cit.*, 156.

⁵⁰ *Ibid.*, 238.